KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JPSM			

Warta kawasan baharu ganti HSK Ulu Sat

Sinar,11 Okt 2021_10

PEMBINAAN LEBUHRAYA KBKK

KOTA BHARU - Sebuah kawasan baharu perlu diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) berikutan projek pembinaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (KBKK) akan turut melibatkan kawasan HSK Ulu Sat yang terletak di Machang.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, dasar Majlis Tanah Negara telah menetapkan HSK yang diwarta keluar untuk pembangunan perlu digantikan.

"Ada kawasan HSK Hulu Sat di Machang yang terlibat, maka ia (HSK Ulu Sat) perlu digantikan.

"Itu dasar yang perlu dipatuhi dan telah diputuskan oleh Majlis Tanah Negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Program Berbasikal Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di Taman Perbandaran Tengku Anis di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Mohd Ridza Awang dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Abdul Khalim Abu Samah.

Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025 dan apabila siap, laluan tersebut akan bersambung dengan Lebuhraya Central Spine Road (CSR) bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti laluan ke pantai timur. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Takiyuddin menyiram pokok Blue Quandong selepas hadir pada Program Berbasikal Penghijauan Malaysia Negeri Kelantan di Taman Perbandaran Tengku Anis pada Ahad.